



KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) / PUKONSA / UPKJ dalam Gred, Kategori, Pengkhususan dan Jenis Pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

Pejabat yang Memanggil Tender	Tajuk Projek	Taraf / Syarat Pendaftaran	Tempat, Tarikh Taklimat dan Lawatan Tapak	Harga Dokumen & CD	Tempat dan Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Tarikh dan Tempat Tutup Tender
Bahagian Teknikal Istana Budaya, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Jalan Tun Razak, 50694, Kuala Lumpur.	TENDER KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH SISTEM PEMACU SEDIA ADA DAN SISTEM INTEGRASI KAWALAN PENTAS DI PANGGUNG SARI, ISTANA BUDAYA. NO. TENDER: IB/TENDER/03/2023	Taraf / Jenis Syarikat: Bumiputera T1 Berdaftar dengan CIDB / PUKONSA / UPKJ dan SSM Gred Pendaftaran: G4 Kategori: E03, E04, E11, E14 dan M04 Pengkhususan: ME	Taklimat dan Lawatan Tapak Tarikh: 12 Julai 2023 (Rabu) Masa: 10.00 pagi Tempat: Bilik Seri Nilam, Bangunan Panggung, Istana Budaya. Lawatan Tapak adalah WAJIB	RM100.00 (Tidak akan dikembalikan)	Bahagian Khidmat Pengurusan, Bangunan Pentadbiran, Istana Budaya, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Jalan Tun Razak, 50694, Kuala Lumpur. Tarikh Dokumen Dijual: 12 Julai 2023 (Rabu) Hingga 26 Julai 2023 (Rabu) Waktu: 9.00 pagi – 1.00 petang	Lobi Bangunan Pentadbiran, Istana Budaya, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Jalan Tun Razak, 50694, Kuala Lumpur. Tarikh Tutup Tender: 2 Ogos 2023 (Rabu) Waktu: Sebelum atau pada 12.00 Tengah hari

- Kaunter pendaftaran dibuka pada jam 10.00 pagi sehingga sesi taklimat bermula pada jam 10.30 pagi. Pendaftaran lewat tidak akan dibenarkan untuk menyertai taklimat tender.** Pembida yang hadir ke taklimat hendaklah membawa sekali sijil-sijil **ASAL** dan **SALINAN** (tidak akan dikembalikan) sijil **Perakuan Pendaftaran Kontraktor** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta **Sijil Taraf Bumiputera** yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Usahawan (jika berkenaan). Bagi Kontraktor yang berdaftar dengan PUKONSA atau UPKJ, wakil kontraktor yang sah dikehendaki membawa perakuan / sijil **ASAL** dan **SALINAN** Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Pendaftaran PUKONSA atau UPKJ. Pembida juga **dikehendaki** membawa **COP SYARIKAT** semasa pendaftaran Tender.
- Hanya pembida yang mempunyai dokumen lengkap seperti di Para 1 sahaja dibenarkan menghadiri taklimat dan lawatan tapak. **PERWAKILAN KUASA ADALAH TIDAK DIBENARKAN SAMA SEKALI.** Pengarah syarikat **yang sah** dan dinamakan di dalam sijil CIDB / PUKONSA / UPKJ sahaja dibenarkan menghadiri taklimat tender. Penjualan dokumen hanya akan diberikan kepada **pembida yang hadir taklimat tender dan lawatan tapak sahaja.**
- Bayaran dokumen tawaran hendaklah dibuat dalam bentuk **Kiriman Wang, Wang Pos** atau **Draf Bank** di atas nama **Akauntan Negara Malaysia–MOTAC–T.** Bayaran ini tidak akan dikembalikan.
- Dokumen Meja Tender disediakan untuk semakan di **Kaunter Bahagian Khidmat Pengurusan, Bangunan Pentadbiran, Istana Budaya, Jalan Tun Razak, 50694, Kuala Lumpur** pada waktu pejabat.
- Dokumen tender yang lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di **Lobi, Bangunan Pentadbiran, Istana Budaya, Jalan Tun Razak, 50694, Kuala Lumpur pada tarikh dan masa yang ditetapkan seperti di atas.** Tender yang lewat dari tarikh dan masa ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
- Istana Budaya tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tender. Istana Budaya juga berhak untuk meminda atau membatalkan mana-mana terma serta syarat bagi tender yang ditawarkan tanpa sebarang notis.
- Semua kos dan perbelanjaan bagi penyediaan tender hendaklah ditanggung oleh pembida.
- Keputusan tender adalah **MUKTAMAD** dan sebarang surat menyurat tidak akan dilayan.